

# UPM tubuh dua fakulti baru tingkat sains bioteknologi

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menubuhkan dua fakulti baru bagi mempertingkatkan tumpuan dalam bidang sains dan teknologi, terutama biologi, biologi molekul, bioteknologi, sains marin serta biokimia.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Muhamad Zohadie Bardiae, berkata fakulti baru itu ialah Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul serta Fakulti Pengajian Alam Sekitar.

Beliau berkata, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul sudah beroperasi sejak 1 Ogos lalu dengan diketuai Prof Dr Abu Bakar Salleh selaku Dekan, manakala Fakulti Pengajian Alam Sekitar pula akan bermula 1 September ini dan Prof Dr Mad Nasir Shamsuddin dilantik se-

bagai Dekannya.

Katanya, penubuhan Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul adalah hasil naik taraf empat jabatan dari Fakulti Teknologi Makanan dan Bioteknologi serta Fakulti Sains dan Alam Sekitar, iaitu Jabatan Biokimia, Jabatan Biomikrobiologi, Jabatan Bioproses serta Jabatan Biomolekul dan Sel.

Seterusnya, beliau berkata, Fakulti Pengajian Alam Sekitar ialah pecahan daripada Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar dan ada dua jabatan, iaitu Jabatan Sains Alam Sekitar serta Jabatan Pengurusan Alam Sekitar.

Penyusunan semula dan kenakan taraf beberapa jabatan ini menjadikan UPM kini ada sebanyak 15 fakulti dan daripada jumlah itu, hanya empat fakulti bukan berteraskan

disiplin sains dan teknologi.

"Ini menggambarkan penekanan universiti ini untuk membantu kerajaan memajukan bidang sains, terutama sains pertanian kerana fokus UPM adalah bidang pertanian dan teknologi tinggi yang lain.

"Penubuhan dua fakulti ini menjadikan universiti ini lebih bertumpu kepada bidang sains bioteknologi dan disiplin yang berkaitan, termasuk penyelidikan untuk industri tanaman dan penternakan," katanya selepas merasmikan Makmal Putra Fitotek dan Pameran Penyelidikan Institut BioSains, UPM di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah Institut Biosains UPM, Prof Dr Abu Bakar Salleh, dan Ketua Laboratori Hasilan Semula jadi, Prof Dr Mohd Nordin Lajis.

Sementara itu dalam ucapannya

pula, Dr Muhamad Zohadie berkata, hasil penyelidikan tidak akan membawa kesan terbaik jika tidak memberi sumbangan kepada peningkatan kualiti hidup secara am.

Justeru, beliau berkata, hasil penyelidikan bukan saja perlu disebarluaskan ke arah kajian lebih mendalam, tetapi juga dikomersialkan untuk menjana pendapatan dan membantu pertumbuhan ekonomi.

Katanya, universiti mesti mengambil inisiatif untuk berusaha mempromosi kegiatan dan hasil penyelidikan supaya masyarakat dapat menghargai sumbangan universiti kepada pembangunan negara.

"Promosi penyelidikan dapat menarik kedatangan orang ramai dan industri yang berminat untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan bagi menjana pendapatan."

"Ini bukan saja akan memberi ilham kepada penyelidik untuk melakukannya lebih banyak kajian tetapi juga merangsang mereka untuk melakukan penyelidikan lebih mendalam atas permintaan industri.

"Pada peringkat lebih besar, ini memberi keuntungan kepada negara kerana era k-ekonomi ialah ekonomi berdasarkan pengetahuan, iaitu berdasarkan kajian saintifik dan ilmu tinggi," katanya.

Dr Muhamad Zohadie berkata, kegiatan hasil penyelidikan yang subur dan jumlah penyelidik yang ramai memberi kelebihan kepada negara kerana sumber dapat dieksplorasi pada tahap maksimum.

Katanya, penyelidikan yang meliputi pelbagai bidang juga akan memberi nilai tambah kepada sumber dalam negara.